

Henti urusan dengan Jakim

Tuanku titah sedemikian kepada Jaij susulan isu Zamihan

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah agar Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) tidak lagi berurusan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selepas ini.

Baginda juga bertitah, Jakim turut tidak perlu memberikan pandangan kepada Johor, yang mana semua orang tahu urusan berkaitan agama adalah bawah kuasa negeri seperti termaktub dalam perjanjian Persekutuan.

Sultan Ibrahim bertitah sedemikian susulan Pegawai Kader Jakim, Dr Zamihan Mat Zin yang mengkritik baginda susulan isu dobi mesra Muslim di Muar, yang tular di media sosial baru-baru ini.

"Beberapa orang mufti dan pakar agama telah keluaran pandangan dan hujah mereka berkaitan perkara ini, namun malangnya ada pula seorang penceramah bernama Ustaz Zamihan Mat Zin yang mengkritik tindakan saya dan memperlekeh mufti-mufti tersebut.

"Gaya cakupnya sangat angkuh dan sombong seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencerca bangsa lain. Saya anggap dia hanya seperti tin kosong yang tak ada otak," titah Sultan Ibrahim ketika



Sultan Ibrahim pada Konvokesyen UTHM kali ke-17, semalam.

Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kali ke-17, semalam.

Titah Sultan Ibrahim lagi, Zamihan juga telah berbohong selepas cuba menafikan yang dia menyebut perkara itu setelah dikedam orang ramai.

"Nampaknya ustaz ini dah pandai berbohong pula, macam mana kita nak belajar dengan dia. Jangan nak temberang dengan saya, lepas ini cukuplah berceramah depan cermin sahaja untuk kenal diri sendiri.

"Kalau betul dia penceramah

info

• Tuanku enggan panjangkan isu dan maafkan Zamihan.

Jakim saya tidak tahu dari mana Jakim pungut dia, selepas ini juga saya mengarahkan Jaij tidak perlu lagi buang masa berurusan dengan Jakim," titah baginda.

Pada masa sama, Sultan Ibrahim bertitah, baginda tidak mahu memanjangkan isu itu dan telah memaafkan Zamihan.